

STRATEGI PEPERANGAN MALAYONESIA

Mohammad Alinor Abdul Kadir
Universiti Kebangsaan Malaysia

1. PENGENALAN

Peperangan adalah satu-satunya peristiwa yang memaksa pihak-pihak yang bertelagah untuk menguruskannya secara industri. Dan, “industri” yang dimaksudkan ini telah lama berlangsung dalam lipatan sejarah manusia, baik di Eropah, Afrika, India, Melayu, Cina, Arab dan lain-lain. Tak tahulah pula kami adakah istilah “industry” dalam revolusi industri yang bermula pada 1700 di Eropah itu datangnya daripada proses menguruskan peperangan ini? Tatkala peperangan sedang dirancang, dua pihak yang bertelagah akan merancang untuk menghasilkan sebanyaknya senjata, tak kiralah sama ada senjata yang berjarak dekat mahupun yang berjarak jauh. Inilah industrinya, iaitu industri penghasilan senjata. Tanpa perancangan yang agak berstruktur, kilang-kilang penghasilan senjata ini akan dibina demi untuk menghasilkan senjata yang mencukupi untuk menghadapi peperangan tersebut. Bukan setakat itu sahaja, segala sumber-sumber yang bermanfaat untuk membina senjata-senjata berkenaan akan diarahkan untuk didapatkan. Seperkara lagi yang amat penting diketahui adalah, bagi mendapatkan peratus kejayaan yang tinggi dalam peperangan tersebut, segala bentuk ilmu dan teknologi sebolehnya akan dimanfaatkan untuk mendapatkan jangkaan kekuatan musuh sebelum peperangan berlangsung. Ini termasuklah perisikan, peta, bekalan makanan-minuman terdekat, strategi peperangan, cuaca, dan lain-lain. Semua peperangan memanfaatkan perkara ini, termasuklah yang berlangsung di Alam Melayu. Buku terkini yang mungkin agak baik membincangkannya adalah Greene (2007), yang membahaskan 33 strategi peperangan moden, yang lima daripadanya bersumberkan bukan Barat, iaitu bersumberkan Mao Tse-Tung, Viet Cong, Zulu, Konfusius dan Mahatma Gandhi. Strategi Peperangan Viet Cong itu mungkin bersentuhan dengan Strategi Peperangan Campa, satu daripada rumpun Malayonesia yang terawal. Seterusnya kami akan membahas kandungan utama yang menjadi matlamat makalah ini.

Makalah ini sebenarnya dikembangkan daripada makalah asal yang dibentangkan di INSPeM, UPM, suatu masa dahulu, dan di PDP, UM, pada 7/9/2013. Semenjak daripada itu, kami berusaha mendapatkan rujukan-rujukan yang lebih baik bagi menjelaskan butiran-butiran penting yang akan dipersembahkan di bawah. Namun, amatlah sukar mendapatkannya. Kami hanyalah boleh merakamkan maklumat-maklumat berikut ini. Penyelidik yang pertama kali berminat mengkaji Peperangan Malayonesia adalah Wales (1952) dan rujukan terkini yang kami dapati adalah Charney (2004). Kami tidak kesampaian untuk mendapatkan semua rujukan yang dinyatakan oleh Charney, malah ada yang mendahului Wales seperti kajian Raffles (pada 1817), Tin (penyelidik Myanmar

pada 1931-1933) dan Legaspi (pada 1906). Charney juga memetik rujukan-rujukan lain yang membicarakan berkenaan peperangan Bugis, Jawa, Siam, Myanmar, Vietnam, Makassar, Filipina dan Mon. Beliau ada menyebut sebuah teks Mon bertajuk *Nidana Ramadhipati-katha*, bertarikh 1540M, yang membahaskan tentang ilmu peperangan Mon. Jika kami mampu membahas semua hal yang dibicarakan oleh Charney tersebut, tentunya perbincangan berkenaan Strategi Peperangan Malayonesia akan menjadi lebih lengkap. Bagi memulainya, di sini kami akan membicarakan dua buah teks Jawa yang khusus berbincang tentang strategi peperangan. Namun, kami akan memulai perbincangan dengan menyatakan kedudukan bidang ini di dalam teks terasnya di India yang dikatakan merupakan rujukan paling utama kepada semua pemimpin/ ketua perang di Malayonesia dan Indo-China.

2. STRATEGI PEPERANGAN INDIA

Setakat yang kami termampu merujuk, untuk bidang pemikiran strategi peperangan ini, diketahui oleh ramai penyelidik bahawa karya Kautilya berjudul *Arthashastra* bertarikh sekitar kurun ke-4SM di India adalah satu-satunya karya ulung berkenaan pemikiran peperangan. Di zamannya, karya ini diajarkan kepada bakal-bakal pemimpin di India, Asia Tengah, Indo-China, Asia Tenggara, China dan Jepun. Tapi, kami belumlah bersedia menunjukkan bagaimana tersebarnya *Arthashastra* ini. Buku ini sebenarnya adalah buku yang dikarang untuk menyediakan seseorang bakal pemimpin, cukup serba-serbinya tentang segala hal pengurusan negara/ empayar di zamannya. Penulis-penulis Sejarah Sejagat seperti al-Tabari, al-Raniri dan Hegel mungkin sahaja memanfaatkannya dengan baik. Di dalam *Arthashastra* terkandung 35 cara susunan tentera dalam peperangan untuk mencapai kemenangan mutlak. Bentuk-bentuk susunannya ialah:

- | | |
|--|--|
| 1) ular (<i>bhoga</i>), | 19) punggung sapi (<i>gomutrika</i>), |
| 2) turus (<i>danda</i>), | 20) pedati (<i>syandana</i>), |
| 3) lingkaran (<i>mandala</i>), | 21) buaya, |
| 4) bertingkat (<i>asamhata</i>), | 22) pedati diperkukuh |
| 5) putus-putus (<i>pradara</i>), | (<i>varipatantaka</i>), |
| 6) teguh (<i>drdhaka</i>), | 23) semua arah (<i>sarvatomukha</i>), |
| 7) kebal (<i>asahya</i>), | 24) semua menguntungkan |
| 8) helang (<i>garuda</i>), | (<i>sarvatobhadra</i>), |
| 9) berjaya (<i>sanjaya</i>), | 25) lapan sebahagian (<i>ashtanika</i>), |
| 10) takluk (<i>vijaya</i>), | 26) permata (<i>vajra</i>), |
| 11) telinga besar (<i>sthulakarna</i>), | 27) buaya (<i>godha</i>), |
| 12) berjaya besar (<i>visalavijaya</i>), | 28) taman (<i>udyanaka</i>), |
| 13) muka tentera (<i>chamumuka</i>), | 29) separuh bulan (<i>ardhachandrika</i>), |
| 14) muka ikan (<i>jhashasya</i>), | 30) kepala udang (<i>karkatakasringi</i>), |
| 15) jarum, | 31) menang (<i>arishta</i>), |
| 16) peringkat (<i>valaya</i>), | 32) kaku (<i>achala</i>), |
| 17) ular (<i>bhoga</i> , apa bezanya dengan | 33) tak terkalahkan (<i>apratihata</i>), |
| yang pertama?), | 34) helang (<i>syena</i>), |
| 18) gerakan ular (<i>sarpasari</i>), | 35) busur (<i>chapa</i>). |

Kami belum pernah mendengar adanya perbahasan ilmiah bagaimanakah 35 strategi ini dirumuskan. Mengkajinya memerlukan seseorang membahaskan perkembangan keilmuan di India sebelum kurun ke-3SM, yang kininya dikaji menerusi ilmu arkeologi sahaja, sebab teks-teks kuno telahpun musnah. Untuk kes di Asia Tenggara, banyak laporan menyatakan bahawa beberapa strategi ini dimanfaatkan dalam kalangan tentera Malayonesia. Pada tahap ini, kami hanyalah mampu mengutarakan dua buah karya awal yang memanfaatkannya.

3. STRATEGI PEPERANGAN DALAM KAMANDAKA

Sebuah karya yang belum dapat kami kesan identitinya dikatakan membahas 8 cara bagaimana tentera perlu disusun dalam peperangan untuk mendapat kemenangan maksimum. Cara-cara tersebut ialah (1) garuda, (2) singa, (3) udang (*makara*), (4) cakera, (5) bunga seroja, (6) bukit & samudera, (7) bulan sabit, (8) petir yang tajam. Secara perbandingan, hanyalah bentuk garuda, udang dan bulan sabit sahaja yang bersamaan dengan dengan apa yang terkandung dalam *Arthasastra*, selainnya adalah mungkin sekali perumusan baru oleh saintis/ pemimpin perang Jawa. Bagaimana mereka melakukannya, belumlah kami mampu usahakan perbincangannya di sini. Untuk membahaskannya, itu menghendaki kami untuk menganalisis teks-teks jawa kuno, termasuk juga mungkin prasasti-prasasti sebelum kurun ke-14M. Mungkinkah bentuk-bentuk tersebut dirumuskan bersebabkan hanyalah percaya bahawa bentuk-bentuk tersebut kuat? Lalu, yang kuat pastilah menang? Ataukah percaya kepada ramalan bintang, yang menunjukkan bentuk-bentuk tersebut dijangkakan akan membawa kepada kemenangan? Ataukah sebab mahu disesuaikan dengan rupa bentuk muka bumi?

4. STRATEGI PEPERANGAN DALAM BHARATA-YUDDHA

Tulisan yang kami boleh rujuk adakah karya Mpu Sedah dan Mpu Panuluh (1079S/ 1158M) ini mengandungi 10 cara susunan tentera sewaktu peperangan, iaitu (1) bukit & samudera, (2) petir yang tajam, (3) garuda, (4) gajah mengamuk, (5) cakera, (6) udang (*makara*), (7) jarum, (8) bunga seroja, (9) bulan sabit, (10) bulatan berlapis. Sekali lagi, bila dibandingkan dengan *Arthasastra*, bentuk-bentuk garuda, gajah mengamuk, udang, jarum dan bulan sabit menampakkan peniruan langsung, manakala yang lain berkemungkinannya perumusan yang baru.

5. PERSOALAN LANJUT

Apakah landasan ilmu yang mendasari semua perumusan strategi peperangan Malayonesia ini? Apakah boleh mana-mana bentuk tersebut ditafsirkan sebagai bernilai saintifik? Walaupun bentuk bulatan berlapis dan cakera menunjukkan aspek-aspek geometri, namun apakah boleh dihipotesiskan bahawa ilmu geometri adalah sebahagian daripada pendidikan pemimpin Malayonesia dahulu?

RUJUKAN

Charney, M.W. 2004. *Southeast Asian Warfare 1300-1900*. Leiden : Brill.

Greene, R. 2007. *The 33 Strategies of War*. NY: Profile Books.

Kautilya. Kurun ke-4SM, *Arthasastra*.

Mpu Sedah dan Mpu Panuluh. 1079S/1158M. *Bharata-Yuddha*. Diubahsuai pada 1755M oleh Yasadipura I. Diedit oleh P.P. Roorda van Eysinga (1849), A.B. Cohen Stuart (1856 & 1860), Dirjaatmadja (1901 & 1908), J.G.H Cumming (1903), Poerbatjakara & C. Hooykaas (1934), R.M. Sutjipto Wirjosuparto (1968).

Wales, H.G.Q. 1952. *Ancient South-East Asian Warfare*. London : B. Quaritch Ltd.